

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 15 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10461**

**SOALAN:**

**YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada:**

- a) Mangsa skim penipuan sambung bayar kenderaan boleh diklasifikasikan kes kehilangan atau kes curi kenderaan dimana mangsa terpaksa menanggung hutang bank walaupun kenderaan mereka berada di tangan pihak ketiga; dan
- b) Mangsa yang menerima cek tak laku kerana diberhentikan bayaran oleh pembayar atau atas alasan "akaun ditutup" boleh diklasifikasikan sebagai jenayah penipuan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian sedar akan kewujudan kes-kes sambung bayar kereta sebagai jalan penyelesaian pemilik kereta yang tidak berkemampuan untuk membayar ansuran bulanan kepada bank. Begitu juga tindakan pemilik kereta membuat pajakan kereta kepada syarikat tertentu untuk tujuan mendapatkan pulangan kewangan daripada kereta yang di pajak.

Masalah berlaku apabila kereta yang dijual secara sambung bayar atau pajakan ini tidak dibayar sewa bulanan kepada pihak bank menyebabkan penama kenderaan disenarai hitam.

Kes-kes sebegini tidak boleh dikategorikan sebagai kes curi kereta kerana tidak memenuhi elemen kesalahan mencuri sepertimana dinyatakan di dalam Seksyen 378 Kanun Keseksaan iaitu:-

*“ Barang siapa, yang bermaksud hendak mengambil dengan curangnya apa-apa harta yang boleh dialih daripada milik mana-mana orang dengan tiada kerelaan orang itu, menggerakkan harta dengan tujuan hendak mengambilnya, adalah dikata melakukan kesalahan mencuri ”*

Walau bagaimanapun, dalam siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, jika terdapat unsur-unsur penipuan, siasatan akan dijalankan oleh pihak polis di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.